

**DAP Umum Calon PRK Teluk Intan Sabtu
Bernama
May 15, 2014**

GEORGE TOWN, 15 Mei (Bernama) -- DAP akan mengumumkan calonnya bagi pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan Sabtu ini, kata Penasihat DAP Lim Kit Siang.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa mengiringi calon DAP untuk pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gelugor Ramkarpal Singh Deo melawat pasar basah Farlim di sini, Khamis.

Pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan diadakan berikutan kematian penyandanganya Seah Leong Peng, 48, daripada DAP akibat kanser pada 1 Mei lepas.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 19 Mei sebagai hari penamaan calon manakala pengundian awal 27 Mei dan hari pengundian pada 31 Mei.

Pada pilihan raya umum ke-13, Seah, 48, menewaskan calon Barisan Nasional Datuk Mah Siew Keong dan calon bebas Moralingam Kannan dengan majoriti 7,313 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038395>